

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk memohon semula kelulusan pembinaan Litar Sukan Permotoran Antarabangsa Labuan (*Labuan International Motorsports Circuit*) di Kiamsam, Wilayah Persekutuan Labuan yang sudah diluluskan tapi dibatalkan sebelum ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mengambil maklum akan kelulusan pembinaan Litar Mini Pemotoran di Wilayah Persekutuan Labuan yang tidak dapat diteruskan pelaksanaannya melalui surat arahan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri, Wilayah Persekutuan bertarikh 13 Julai 2018, berikutan dari arahan Kerajaan untuk tidak meneruskan projek yang berstatus **belum mula**.

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Projek untuk membina Litar Mini Permotoran di Lot Tanah 9845 dan Lot Tanah 9148 seluas tanah 15.2 ekar di Kiamsam, Labuan dengan anggaran kos RM3 juta, diluluskan pada bulan Julai 2018. Walau bagaimanapun, pada bulan Februari 2018, Perbadanan Labuan telah menerima satu cadangan pembangunan oleh pihak swasta untuk membina Litar Permotoran Antarabangsa Labuan dengan kos sebanyak RM20 juta. Maka dengan itu, Pihak Perbadanan Labuan telah meminta supaya satu cadangan yang lebih menyeluruh untuk diselaraskan semula bersesuaian dengan peruntukan yang telah diluluskan. Buat setakat ini, cadangan litar permotoran ditapak yang sama perlu dikaji dan disemak semula kesesuaiannya kerana telah ada pembangunan dikawasan sekitarnya telah diluluskan bagi tujuan kediaman pekerja dan pejabat di bawah projek Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Labuan.

Terima kasih.